

APO-ACYCLOVIR TABLET

Acyclovir (200mg, 400mg, 800mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Acyclovir
2. Bagaimana Apo-Acyclovir berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Acyclovir
4. Cara menggunakan Apo-Acyclovir
5. Semasa menggunakan Apo-Acyclovir
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Acyclovir
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Acyclovir

Apo-Acyclovir digunakan untuk rawatan *herpes genitalis* (sejenis penyakit jangkitan seks yang biasanya dikesan dengan kesakitan pada tempat kemaluan) dan *herpes zoster* (kayap)

Bagaimana Apo-Acyclovir berfungsi

Apo-Acyclovir adalah ubat preskripsi yang mengandungi bahan aktif, acyclovir. Apo-Acyclovir merupakan agen antiviral. Ia bertindak melambatkan pertumbuhan dan penyebaran virus *herpes* supaya badan boleh melawan jangkitan.

Sebelum menggunakan Apo-Acyclovir

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada acyclovir, atau mana-mana bahan kandungan ubat ini. (Sila rujuk **Maklumat Lanjut**)

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Acyclovir jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Acyclovir jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Sebelum mula mengambil Apo-Acyclovir, doktor anda patut tahu jika anda mempunyai sebarang keadaan

perubatan lain, termasuk penyakit hati dan buah pinggang.

Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau merancang untuk menjadi hamil sebelum mengambil Apo-Acyclovir. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah mengambil ubat ini dengan anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Contoh ubat yang mungkin berinteraksi dengan Apo-Acyclovir adalah *probenecid*, sejenis ubat yang digunakan untuk merawat asid urik tinggi.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut jika terdapat persoalan yang anda tidak faham. Mereka mempunyai maklumat lebih terperinci tentang ubatan yang mungkin akan berinteraksi dengan Apo-Acyclovir.

Cara menggunakan Apo-Acyclovir

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Herpes Genitalis:

Secara umum, dos yang normal adalah 200mg 5 kali sehari (untuk diambil setiap 4 jam) selama 10 hari. Walau bagaimanapun, doktor anda boleh menyelaras dos anda mengikut keadaan penyakit seperti jangkitan awal atau jangkitan berulang.

Herpes Zoster:

800 mg bagi setiap 4 jam, 5 kali sehari selama 7 hingga 10 hari. Rawatan perlu dimulakan dalam tempoh 72 jam apabila luka-luka mula menonjol. Dalam ujian klinikal, manfaat terbesar

berlaku apabila rawatan dimulakan dalam tempoh 48 jam bermulanya luka-luka.

Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, doktor akan menyesuaikan dos mengikut keadaan penyakit buah pinggang anda.

Kanak-kanak:

Untuk rawatan jangkitan *herpes simplex* (kudis) dan mencegah kudis untuk kanak-kanak yang mempunyai kekurangan imuniti, dos untuk dewasa akan diberikan kepada kanak-kanak 2 tahun dan ke atas. Kanak-kanak <2 tahun akan diberikan separuh dos dewasa.

Untuk rawatan jangkitan varicella (cacar air):

Doktor akan mengira dos anda berdasarkan 20mg/kg berat badan 4 kali sehari untuk 5 hari.

Ikut dos yang ditetapkan oleh doktor anda. Dos yang sesuai untuk anda tidak semestinya sama seperti yang dinyatakan di atas.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Telan tablet ini dengan air tanpa mengunyahnya.

Doktor anda akan memulakan terapi untuk anda seawal mungkin berdasarkan masa tanda-tanda dan simptom berlaku.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan sekali-kali menambah atau mengurangkan jumlah dos Apo-Acyclovir anda, melainkan jika doktor memberitahu anda dan jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa berunding dengan doktor anda terlebih dahulu.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

<p>Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.</p> <p>- <u>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</u></p>	<p><i>Memandu dan menggunakan jentera</i></p> <p>Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.</p>	<p>- <u>Pelupusan</u></p> <p>Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</p>
<p>Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.</p>	<p>Kesan-kesan sampingan Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Acyclovir boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.</p> <p>Kesan sampingan dengan penggunaan Acyclovir termasuk: Loya, muntah, sakit kepala, dan juga yang kurang kerap berlaku seperti cirit-birit, pening, dan tiada selera .</p>	<p>Maklumat lanjut - <u>Rupa dan warna produk</u></p> <p>Tablet 200mg berbentuk bulat, warna biru dengan tepi yang serong. Perkataan "APO" diukir di atas "200" pada satu permukaan dan kosong pada permukaan yang lain.</p>
<p>Semasa menggunakan Apo-Acyclovir - <u>Perkara yang perlu dilakukan</u></p>	<p>Kesan sampingan dengan penggunaan Acyclovir termasuk: Loya, muntah, sakit kepala, dan juga yang kurang kerap berlaku seperti cirit-birit, pening, dan tiada selera .</p>	<p>Tablet 400mg berwarna merah jambu, bentuk bulat, permukaan yang rata dengan tepi yang serong. Perkataan "APO" diukir di atas "400" pada satu permukaan dan kosong pada permukaan yang lain.</p>
<p>Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.</p> <p>Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Acyclovir.</p> <p>Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.</p>	<p>Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.</p> <p>Ini bukan senarai lengkap kesan-kesan sampingan untuk Apo-Acyclovir. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi kerana mereka akan mempunyai senarai yang lebih terperinci dan lengkap.</p>	<p>Tablet 800mg berbentuk bujur, warna biru, dwi cembung, perkataan "APO" diukir di atas "800" pada satu permukaan dan kosong pada permukaan yang lain.</p>
<p>- <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u></p> <p>Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.</p> <p>Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.</p>	<p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (<i>Consumers Reporting</i>).</p>	<p>- <u>Bahan-bahan kandungan</u> - Bahan aktif <i>Acyclovir</i></p> <p>- Bahan tidak aktif Bahan tidak aktif (200mg): <i>Lactose Monohydrate NF, Microcrystalline Cellulose, Magnesium Stearate, Croscarmellose Dodium, Indigotine Al Lake, Colloidal Silicon Dioxide.</i></p>
<p>Jangan berkongsi Apo-Acyclovir dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.</p>	<p>Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Acyclovir - <u>Penyimpanan</u></p> <p>Anda diingatkan supaya menyimpan Apo-Acyclovir dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.</p>	<p>Bahan Tidak Aktif (400mg): <i>Purified Water, Magnesium Stearate, Croscarmellose Sodium, Red Ferric Oxide, Colloidal Silicon Dioxide, Microcrystalline Cellulose.</i></p>
<p>- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u></p> <p>Jika ubat ini menyebabkan anda terasa tidak selesa, beritahu kepada doktor anda dengan segera.</p>	<p>Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh bulan dan tahun seperti mana yang ditulis pada EXP di bekas.</p> <p>Simpan Apo-Acyclovir pada suhu 20-25 °C di tempat kering dan dilindungi daripada cahaya.</p>	<p>Bahan tidak aktif (800mg): <i>Purified Water, Magnesium Stearate, Croscarmellose Sodium, Indigotine AL Lake, Brilliant Blue, Colloidal Silicon Dioxide, Microcrystalline Cellulose.</i></p>

- Nombor MAL

Apo-Acyclovir 200mg tablet
MAL19984321AZ

Apo-Acyclovir 400mg tablet
MAL19984322AZ

Apo-Acyclovir 800mg tablet
MAL19984323AZ

Pengilang

Apotex Incorporated,
150 Signet Drive,
Weston, Ontario,
Canada M9L 1T9

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

06/01/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)041115/00396